

LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w

Bahan aktif: Salicylic acid 50%w/w

Apakah yang ada pada risalah ini?

- Apakah kegunaan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w?
- Bagaimana LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w berfungsi?
- Sebelum mengambil LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w
- Cara menggunakan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w
- Semasa menggunakan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w
- Kesan-kesan sampingan
- Cara penyimpanan dan pelupusan produk
- Maklumat lanjut produk
- Pengilang
- Pemegang pendaftarannya produk

Apakah kegunaan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w?
LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w digunakan untuk melegakan corn, kalus dan ketuat.

Bagaimana LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w berfungsi?

LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w mengandungi 32mg salicylic acid setiap pita yang mempunyai ciri keratolitik iaitu ia mampu menghasilkan pembinaasan yang perlahan dan lembut pada lapisan epithelium (kulit) apabila diguna secara luaran pada kulit.

Sebelum menggunakan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w:

- *Bila anda tidak boleh gunakan produk ini?*
 - a) Jika anda mempunyai sejarah alahan yang lampau.

- b) Jika anda menghidap penyakit diabetes.
- c) Jika anda menghadapi masalah pengaliran darah peripheral.
- d) Jika anda ingin menggunakan pita ini pada bahagian mata dan membrane mata.
- e) Jika anda ingin menggunakan pita ini pada bahagian jangkitan, keradangan dan ruam.
- f) Jika anda iugin memgggunakan pita ini pada tahi lalat, tahi lalat sejak lahir, ketuat berbulu dan ketuat pada bahagian kelamin.
- g) Jika anda berumur kurang daripada 16 tahun atau ingin menggunakan pita ini pada bayi.

- *Sebelum mula mengambil LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w.*

Sila merujuk doctor/ahli farmnasi anda sebelum menggunakan produk ini jika anda juga menghadapi masalah kulit yang lain pada masa yang sama.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain.*

Apabila LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w digunakan semasa anda mengikuti rawatan methotrexate, toksisiti mungkin akan berlaku.

Penggunaan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w bersama-sama ubat topikal lain harus dielakkan memandangkan ia mungkin merangsang penyerapan ubat topikal yang lain.

Cara menggunakan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w:

- *Berapa banyak harus digunakan*

Gunakan satu keeping LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w pada bahagian yang berkenaan dengan hati-hati untuk tempoh 2

hari; bergantung pada keadaan kulit berikutan arahan daripada doctor/ahli farmasi anda.

- *Bila perlu digunakan?*
LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w harus digunakan selepas bahagian yang berkenaan dicuci dengan sebaik-baiknya.

- *Berapa lama perlu digunakan?*

Selama 2 hari. Ulangi rawatan jika perlu dan rawatan tidak harus berterusan selama 6 minggu. Guna mengikut nasihat perubatan professional.

- *Jika terlupa menggunakannya.*

Gantikan pita lama dengan pita baru dengan kadar segera apabila ingat. Jangan gunakan lebih daripada 1 pita pada bahagian yang sama dalam satu hari.

- *Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)*

Iritasi kulit dan kemerahan di sekeliling tapak aplikasi mungkin menjadi tidak toleransi. Hentikan ubat dan dapatkan nasihat daripada doctor/ahli farmasi anda dengan segera.

Semasa menggunakan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w:

- *Perkara yang perlu dilakukan.*
Ikuti arahan penggunaan. Jaga kebersihan bahagian yang berkenaan sebelum dan selepas menggunakan pita ini.

- *Perkara yang tidak boleh dilakukan.*

Jangan menggunakan pita terpakai semula memandangkan kontaminasi bersilang mungkin akan berlaku. Pita ini hanya untuk kegunaan luar sahaja. Pita ini tidak harus diguna pada kawasan berhampiran mata, kulit radang dan luka.

LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w

Bahan aktif: Salicylic acid 50% w/w

- *Perkara yang perlu diberi perhatian.*

Sila jangan gunakan pita ini pada golongan wanita hamil, ibu yang menyusukan bayi dan kanak-kanak berumur kurang daripada 16 tahun. Apabila keadaan jangkitan tidak diperbaiki selepas tempoh rawatan, hentikan rawatan dan dapatkan nasihat doctor/ahli farmasi. Aktiviti air akan mengakibatkan pelarutan ubat.

Kesan-kesan sampingan:

Ruam, kemerahan dan kegatalan kulit mungkin berlaku. Penggunaan yang berlanjutan mungkin akan mengakibatkan keradangan kulit dan ulser kulit. Iritasi yang ringan mungkin berlaku pada kulit normal di sekeliling corn. Hentikan ubat dan sentiasa merujuk kepada doctor/ahli farmasi anda jika ketidakselesaan tidak dapat ditoleransi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Penyimpanan dan pelupusan LION BALL CORNCAP PLASTER 50%w/w

Simpan di bawah suhu 30 °C. Elakkan daripada cahaya matahari langsung. Lupuskan pita terpakai dengan sewajarnya. Jauhi daripada kanak-kanak.

Maklumat lanjut:

Rupa dan warna produk

Pita plastik yang lekat berwarna seperti putih sulfur yang mengandungi 32mg salicylic acid di bahagian tengah bulatan felt.

Bahan-bahan kandungan:

Bahan aktif: Salicylic acid 32mg

Bahan-bahan bukan aktif: crude rubber, polyisobutylene, purified lanolin, glyceryl rosinat, nonwoven, release paper, plastic plaster, felt, aqueous acrylic adhesive agent

MAL17116079XZ

Pengilang:

Sinsin Pharmaceutical Co. Ltd.
9, Sojeongsandandong-ro, Sojeongmyeon, Sejong-si, South Korea.

Pemegang pendaftaran produk:

Nang Hin Medical Sdn Bhd,
No.24A & 24B, Jalan BPU 4,
Bandar Puchong Utama,
47100 Puchong, Selangor,
Malaysia.

Tarikh dikemaskini:

19/3/2025

Nombor siri:

NPRA (R2/1) 240905/1343